

# BERITA HARIAN : RABU, 17 JUN 2009

## Ekonomi (Muka Surat 20)

### Banci penduduk pertengahan 2010

JABATAN Perangkaan Malaysia akan melaksanakan Banci Penduduk dan Perumahan 2010 pertengahan tahun depan bagi mengemas kini pangkalan data penduduk dan perumahan di negara ini.

Ia bagi menyediakan perangkaan yang relevan dan lebih tepat untuk dijadikan sumber bagi penyediaan model ekonomi baru negara, dan input kepada Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) yang akan bermula pada 2011.

Ketua Perangkawan Malaysia, Wan Ramlah Wan Abdul Raof, berkata banci yang meliputi keseluruhan isi rumah itu sudah dirancang rapi dengan beberapa pembaharuan dari segi penggunaan teknologi dan pendekatannya.

"Banci ini akan dilaksanakan selama dua bulan pada pertengahan tahun depan membabitkan kos keseluruhan RM212 juta," katanya pada perasmian sambutan 60 tahun Jabatan Perangkaan Malaysia di Putrajaya, semalam.

Perasmianya disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop. Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan.

Wan Ramlah berkata, ban-



DAVID KHOO | BERITA HARIAN

NOR Mohamed bersama Wan Ramlah dan Timbalan Ketua Perangkawan, Ismail Yusof melihat buku 60 tahun Jabatan Perangkaan Malaysia selepas perasmian sambutan 60 tahun Jabatan Perangkaan Malaysia di Putrajaya, semalam.

ci seumpama itu pernah dilaksanakan jabatan itu pada 1970, 1980, 1991 dan 2000.

Sementara itu, Nor Mohamed pada sidang medianya berkata, data yang dipungut daripada banci peringkat kebangsaan setiap sepuluh tahun sekali itu digunakan kerajaan bagi membentuk pelbagai dasar ekonomi negara sebelum ini.

"Data itu juga akan menjadi sumber berguna dalam memantapkan lagi rangka pelaksanaan model ekonomi baru negara," katanya.

Beliau berkata, banci ber skala besar itu juga akan menyediakan kira-kira 29,000 peluang pekerjaan kepada mereka yang menganggur dan dibuang kerja akibat kelesestan ekonomi untuk diambil sebagai pegawai pembanci sambilan.

"Jumlah yang diambil itu adalah tambahan kepada kira-kira 4,500 anggota sambilan yang diambil jabatan ini di bawah bajet pakej rangsangan ekonomi kedua bagi melaksanakan pelbagai projek jabatan," katanya.